

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2015

RUJUKAN : 8311

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan dengan penyiasatan pembunuhan Timbalan Pendakwa Raya, En. Kevin Morais, mengapa rakaman CCTV hanya disiasat selepas empat hari. Adakah benar bahawa jabatan polis tidak menerima memo mengenai kes itu sehingga selepas 48 jam.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis telah menjalankan siasatan sebaik sahaja laporan polis tentang kehilangan Timbalan Pendakwa Raya, En. Kevin Morais telah dibuat. Pihak polis telah melihat semua aspek dalam siasatan yang dijalankan termasuk meneliti semua CCTV yang berada di laluan yang sering digunakan oleh mangsa. Dalam siasatan yang dilakukan, tiada sebarang kelengahan dari segi siasatan sehingga kes berkenaan berjaya diselesaikan.